

PENILAIAN PERSEPSI PELAJAR ANTARABANGSA TERHADAP AMALAN INTEGRITI PROFESIONAL DALAM KALANGAN PELAJAR TEMPATAN: KAJIAN INTERAKSI ANTARABUDAYA

Siti Syuhada Abd Rahman, Muhammad Hanis Bin Mohd Amin, Suhaily Md Shamsudin

Jabatan Pengurusan Perniagaan, Fakulti Pengurusan dan Muamalah

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

sitisyuhada@kuis.edu.my, hns_keramat@yahoo.com, suhaily@kuis.edu.my

ABSTRAK

Pendidikan internasional merupakan salah satu sub sektor terpenting dalam sektor perkhidmatan di Malaysia yang menjadi antara penyumbang tertinggi terhadap ekonomi Negara. Justeru, Malaysia mensasarkan untuk menjadi Hub Kecemerlangan Pendidikan Tinggi Antarabangsa (HKPTA) menjelang tahun 2020. Kajian ini dijalankan untuk menilai persepsi pelajar antarabangsa terhadap amalan integriti profesional pelajar tempatan dalam menjalankan interaksi antarabudaya. Borang soal selidik diedarkan kepada 56 orang pelajar antarabangsa yang menuntut di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) dengan menggunakan pensampelan rawak bertujuan. Analisis statistik min dan Korelasi Pearson digunakan untuk menganalisa data dan menjawab persoalan kajian. Kajian mendapati bahawa kebanyakan pelajar antarabangsa berpuashati dengan amalan integriti profesional pelajar tempatan. Amalan komitmen pelajar tempatan dalam interaksi antarabudaya didapati mempunyai hubungan yang paling signifikan dengan tahap kepuasan pelajar antarabangsa terhadap amalan integriti profesional pelajar tempatan.

Kata kunci: *persepsi, kepuasan, pelajar antarabangsa, integriti profesional, interaksi antarabudaya.*

1. Pengenalan

Internasionalisasi ke atas pendidikan telah menyumbang kepada peningkatan jumlah mobiliti pelajar antarabangsa di seluruh dunia (Croese, 2011). Di Malaysia, bilangan pelajar antarabangsa yang mendaftar dan mengikuti pembelajaran di institusi pendidikan meningkat dari tahun ke tahun. Menurut statistik yang dikeluarkan oleh Kementerian Pelajaran Tinggi (2009), jumlah enrolmen pelajar antarabangsa ke Malaysia meningkat daripada 69,164 orang pada tahun 2008 kepada 80,750 orang pada tahun 2009. Sehingga Jun 2011, jumlah enrolmen pelajar antarabangsa telah mencecah 90,000 orang iaitu yang ke sebelas tertinggi di dunia.

Kemasukan pelajar antarabangsa yang melanjutkan pelajaran ke Malaysia memberikan kesan positif terhadap sektor perkhidmatan. Perkhidmatan pendidikan yang merupakan salah satu sub sektor perkhidmatan telah menjana nilai output kasar sebanyak RM9.7 bilion pada tahun 2010, iaitu peningkatan sebanyak RM3.7 bilion berbanding tahun 2007. Daripada jumlah tersebut, pendidikan kolej dan universiti merekodkan nilai output kasar tertinggi iaitu RM6 bilion (61.7 peratus), diikuti oleh perkhidmatan pendidikan lain (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2012). Statistik terkini yang diterbitkan pada tahun 2012 menunjukkan, pada tiga suku pertama 2012, ekonomi Malaysia telah berkembang sebanyak 5.3 peratus menjangkau pertumbuhan sasaran (4.5 - 5.0 peratus). Sektor perkhidmatan mencatatkan sumbangan terbesar kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK)

dengan peningkatan daripada 54.6 peratus pada suku kedua 2012 kepada 54.7 peratus pada suku ketiga tahun yang sama (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2012).

Kerancangan yang disumbangkan dari sektor perkhidmatan serta permintaan dan nilai output yang tinggi terhadap perkhidmatan pendidikan membuatkan Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia (KPTM) mensasarkan Malaysia sebagai Hab Kecemerlangan Pengajian Tinggi Antarabangsa (HKPTA) menjelang tahun 2020. Dalam mencapai objektif ini, KPTM telah memberi tumpuan terhadap kepentingan dan masalah pelajar antarabangsa. Tumpuan sedemikian dianggap sebagai salah satu garis panduan dan strategi untuk meningkatkan daya tarikan Malaysia sebagai hab pendidikan demi memenangi persaingan dari negara-negara lain serta menghadapi cabaran akibat internasionalisasi dalam pendidikan.

2. Pernyataan Masalah

Internasionalisasi ke atas pendidikan telah mencetuskan beberapa cabaran dalam menghadapi globalisasi. Salah satu cabaran yang perlu dihadapi adalah datang dari silang budaya yang melibatkan pelajar antarabangsa (Radha M. K. Nambiar, Noraini Ibrahim, & Tamby Subhan, 2012; Colvin, Fozdar, & Volet, 2012). Menurut Liew (2012), tahap kepuasan pelajar antarabangsa terhadap pengalaman belajar di institut pengajian tinggi (IPT) di Malaysia adalah di tahap sederhana. Ini berikutan kesukaran pelajar antarabangsa untuk menyesuaikan diri dengan persekitaran pembelajaran yang berbeza dari negara asal mereka (Radha M. K. Nambiar et al., 2012; Summers & Volet, 2008), kekurangan motivasi dalam menjalankan interaksi antarabudaya, persepsi serta kebimbangan terhadap akibat interaksi antarabudaya, kurang keyakinan diri untuk berinteraksi dengan rakan berbeza budaya serta kekurangan keterbukaan dalam kalangan pelajar antarabangsa dan pelajar tempatan (Colvin et al., 2012).

Kajian yang dijalankan oleh Kam (2009) mendapati bahawa sebahagian pelajar antarabangsa tidak suka pada tugas berkumpulan. Ini rentetan dari sikap tidak profesional sebahagian pelajar tempatan yang menunjukkan rasa tidak suka bekerja dengan pelajar antarabangsa kerana perbezaan budaya. Sikap dan perilaku tidak profesional ini tidak berubah walau pelajar antarabangsa tersebut menjumpai sesuatu yang positif, menyeronokkan dan berguna semasa bekerja bersama pelajar tempatan berbeza budaya (Summers & Volet, 2008). Di samping itu, pelajar antarabangsa juga cenderung merasa tersisih di dalam kelas disebabkan faktor tidak serasi dengan cara penyampaian pensyarah dan juga sistem pengajaran di negara yang asing bagi mereka (Colvin et al., 2012; Rong, 2005; Liew, 2012). Faktor tahap penggunaan bahasa pengantara oleh pensyarah yang sukar difahami juga antara penyumbang (Liew, 2012) kepada perasaan tersisih ini.

Antara faktor pelajar antarabangsa melanjutkan pelajaran ke luar negara adalah kerana wujudnya kursus dan lapangan kajian baru yang tidak terdapat di negara mereka (Mehdizadeh & Scott, 2005), di samping persepsi yang timbul dari pengalaman pelajar terdahulu yang mempengaruhi mereka membuat keputusan untuk belajar merentasi sempadan (Roopa Desai Trilokekar & Sarah Rasmi, 2011). Pada masa kini, dengan kewujudan internet, persepsi negatif pelajar antarabangsa terhadap perilaku pelajar tempatan semasa berada di IPT mereka menuntut boleh dan mudah tersebar melalui penceritaan berbentuk testimoni (Liew, 2012; Roopa Desai Trilokekar & Sarah Rasmi, 2011). Justeru, sekiranya calon pelajar antarabangsa mendapat persepsi negatif dari pengalaman lepas, ini akan menimbulkan tanggapan awal negatif yang menghalang mereka dari bersetuju untuk belajar di luar Negara. Ini bertentangan dengan matlamat internasionalisasi dalam pendidikan iaitu untuk mewujudkan interaksi efektif dan positif antara pelajar tempatan dan pelajar antarabangsa.

3. Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk:

- i. Meninjau tahap kepuasan pelajar antarabangsa terhadap amalan integriti profesional pelajar tempatan.
- ii. Menentukan signifikan hubungan dimensi kelakuan, komitmen dan kapasiti dengan tahap kepuasan pelajar antarabangsa terhadap amalan integriti profesional pelajar tempatan.

4. Skop Kajian

Kajian ini dijalankan di KUIS dan melibatkan pelajar antarabangsa di setiap fakulti. Kajian ini bertujuan untuk menilai persepsi pelajar antarabangsa terhadap amalan integriti profesional dalam kalangan pelajar tempatan di KUIS dalam lingkungan tiga dimensi yang diketengahkan oleh Banks (2009) iaitu kelakuan, komitmen, dan kapasiti pelajar tempatan terhadap interaksi antarabudaya di dalam kelas. Bagi melakukan penilaian ke atas persepsi pelajar antarabangsa, tinjauan ke atas tahap kepuasan pelajar antarabangsa dilakukan (Kam, 2009; Liew, 2012). Oleh sebab itu, dalam kajian ini perkataan persepsi dan tahap kepuasan digunakan di sepanjang perbincangan. Persepsi digunakan bagi menggambarkan suatu konteks yang besar dan tahap kepuasan pula sebagai sudut penilaian untuk menggambarkan persepsi.

5. Kajian Literatur

5.1 Interaksi Antarabudaya

Interaksi antarabudaya difahami sebagai perjumpaan dua budaya yang berbeza dalam kalangan pelajar-pelajar ketika berhubung dan berkomunikasi untuk menjalankan kerja kumpulan dan juga menjalani proses pembelajaran (Colvin et al., 2012; Crose, 2011; Strauss et al., 2011; Summers & Volet, 2008). Dua budaya berbeza ini menimbulkan beberapa keterbatasan dari sudut kekangan bahasa dan budaya, perbezaan kaedah pembelajaran serta keperluan kepada metodologi pengajaran efektif serta sesuai kepada isi kelas yang pelbagai latar budaya (Zha, 2003).

Kejayaan interaksi antarabudaya lebih mudah dicapai jika keserasian wujud dan terdapat persamaan antara kedua-dua budaya (Mehdizadeh & Scott, 2005) iaitu antara budaya yang dibawa pelajar antarabangsa dengan budaya pelajar tempatan. Walaubagaimanapun, kajian-kajian lepas mendapati bahawa pelajar tempatan lebih cenderung melihat kepada perbezaan yang wujud di antara mereka berbanding melihat persamaan. Ini kerana perbezaan lebih kelihatan berbanding persamaan lantas menjejaskan motivasi dan persepsi untuk berinteraksi dengan rakan berbeza budaya (Harrison & Peacock, 2010; Mak & Buckingham, 2007; Strauss et al., 2011; Summers & Volet, 2008).

5.2 Integriti Profesional

Perkataan integriti berasal dari bahasa Latin iaitu '*integritas*' (Banks, 2009) serta digunakan dalam bahasa Inggeris sebagai '*integral*' (Brown, 2005) yang bermaksud tidak mengasingkan mana-mana bahagian, lengkap atau menyeluruh. Satu-satu perilaku boleh dikira berintegriti apabila penyatuan pelbagai aspek atau bahagian, diaplikasi secara menyeluruh di dalam perilaku tersebut dan seterusnya dijaga dan dipelihara keberlangsungannya (Banks, 2009). Profesional pula membawa maksud perilaku yang tepat dan benar (Crews & West, 2006). Dalam perspektif Islam pula, mukmin profesional disebut sebagai berakhlak (Pahrol Mohd Juoi, 2010).

Istilah ‘integriti’ sering digunakan di dalam kod etika pekerja awam mahupun swasta yang merujuk kepada ‘anti-korupsi’. Namun, istilah ‘integriti profesional’ belum ada disebut di dalam mana-mana rujukan walau dalam lapangan profesional sendiri seperti kod etika kakitangan awam mahupun lapangan lain walhal integriti adalah satu konsep yang luas yang merangkumi segala dimensi integriti yang patut ada dalam setiap lapangan dan ikhtisas termasuklah pelajar di IPT (Banks, 2009). Banks mencadangkan bahawa integriti profesional secara umumnya boleh dilihat melalui tiga dimensi iaitu ‘kelakuan’, ‘komitmen’ dan ‘kapasiti’.

5.3 Aplikasi Konsep Integriti Profesional dalam Kelas

5.3.1 Kelakuan

Kelakuan (kelakuan baik) merupakan elemen yang paling banyak ditumpukan dalam membentuk kod-kod etika serta panduan profesional dan sering digambarkan sebagai *right conduct*, tidak melakukan suatu yang salah ataupun profesionalisme (Banks, 2009). Secara asasnya, nilai-nilai etika yang diterima di dalam kelas merujuk kepada nilai-nilai yang boleh diterima oleh pelajar tempatan dan pelajar antarabangsa. Nilai-nilai tersebut adalah perilaku baik ketika berinteraksi, pemilihan tempat duduk campur, keselesaan bekerja dalam satu kumpulan, penggunaan bahasa pengantar yang konsisten, tolong-menolong dalam hal akademik, serta memahami dan menghormati warna kulit dan budaya berbeza (Croese, 2011; Salleh et al., 2012; Liew, 2012; Strauss et al., 2011; Summers & Volet, 2008).

Banyak kajian yang dijalankan berkenaan interaksi antarabudaya (Croese, 2011; Salleh et al., 2012; Liew, 2012; Strauss et al., 2011; Summers & Volet, 2008) mendapati bahawa pelajar tempatan kurang cenderung bercampur dengan pelajar antarabangsa dalam tugas kumpulan. Sekiranya berlaku percampuran para pelajar, ianya bukan atas kecenderungan diri sendiri tetapi atas arahan dari pensyarah. Di samping itu, konsistensi penggunaan bahasa Inggeris juga menjadi antara nilai penting dalam membuang rasa tersisih dalam kalangan pelajar antarabangsa. Kajian menunjukkan dalam satu kumpulan berbilang budaya, wujud kecenderungan pelajar antarabangsa yang kurang atau tidak pandai berbahasa Melayu untuk kurang menyertai perbincangan disebabkan pelajar tempatan yang tidak konsisten berbahasa Inggeris. Begitu juga dalam konteks penyertaan pelajar antarabangsa dalam kuliah yang dikendalikan oleh pensyarah yang kurang mahir berbahasa Inggeris. Selain itu, percanggahan akibat perbezaan budaya juga mengurangkan kecenderungan para pelajar untuk menjalankan interaksi antarabudaya (Strauss et al., 2011).

5.3.2 Komitmen

Komitmen bermaksud berpendirian atau kesungguhan dalam menjalankan interaksi antarabudaya. Ia berfungsi sebagai penguat kepada nilai-nilai profesionalisme yang telah disebutkan dalam dimensi kelakuan (Banks, 2009). Dalam menjalankan interaksi antarabudaya, para pelajar haruslah benar-benar rela hati, bersungguh-sungguh serta menunjukkan kehairahan dalam menjalankan nilai kelakuan baik. Namun, dapatan dari kajian interaksi antarabudaya pelajar IPT (Summers & Volet, 2008) mendapati pelajar tempatan mempunyai komitmen yang rendah. Dari aspek pemilihan tempat duduk, didapati mereka hanya akan duduk di dalam kelas secara bercampur budaya apabila diarahkan oleh pensyarah.

Kebanyakan IPT internasional di Malaysia (Liew, 2012) menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar dalam pembelajaran. Namun, perbezaan dalam tahap penguasaan bahasa Inggeris

pada kedua-dua pelajar tempatan dan antarabangsa menyebabkan kecenderungan berinteraksi antarabudaya menurun (Summers & Volet, 2008). Dalam menjalankan interaksi antarabudaya, pelajar tempatan yang kurang menguasai bahasa Inggeris perlu mencuba yang terbaik dalam menyampaikan mesej kepada pelajar antarabangsa. Begitu juga jika terdapat pelajar antarabangsa yang kurang fasih berbahasa Inggeris, pelajar tempatan perlu cuba mendengar mesej yang ingin disampaikan tanpa rasa bosan (Kam, 2009). Selain itu, penglibatan aktif lisan didapati dapat merapatkan jurang yang wujud di antara pertembungan baru kedua-dua pihak dalam perbincangan kumpulan (Colvin et al., 2012). Persepsi pelajar bertambah baik apabila pendapat mereka diterima mahupun dibangkang rakan antarabangsa lain. Dari aspek saiz bilangan pelajar di dalam kelas, didapati bilangan pelajar yang besar mengurangkan kecenderungan interaksi antarabudaya untuk berlaku. Selain daripada itu, komitmen pelajar tempatan akan lebih kelihatan sekiranya mereka mengekalkan interaksi antarabudaya di luar kawasan kampus (Colvin et al., 2012).

5.3.3 Kapasiti

Kapasiti bermaksud kemampuan. Ia bukan sahaja datang dalam bentuk kemahiran, bahkan keupayaan untuk beramal secara berterusan. Ini bermaksud, pengamal bukan sahaja perlu berperilaku baik, bahkan mereka perlu benar-benar bersifat dengan sifat baik dan menyemai secara sehati ke dalam diri masing-masing sehingga berupaya menterjemahkannya secara berterusan dan juga secara spontan dalam setiap perbuatan mereka. Mereka juga bukan sahaja perlu memberi kepada orang lain sesuatu yang dirasakan baik bagi dirinya, bahkan harus turut berupaya melihat apa yang diperlukan mereka dalam menjayakan fungsi sesebuah organisasi atau lapangan (Banks, 2009).

Persepsi pelajar antarabangsa terhadap pelajar tempatan yang telah dinyatakan sebelum ini menunjukkan perlunya peningkatan dilakukan terhadap kapasiti berkenaan interaksi antarabudaya dalam kalangan pelajar tempatan khususnya dari segi penguasaan bahasa Inggeris (Summers & Volet, 2008). Di Australia antara inisiatif yang diambil adalah *peer-pairing programme*. Dalam program ini, pelajar tempatan tahun pertama disuaikan dengan pelajar antarabangsa tahun pertama dan akan diteruskan sepanjang berada di IPT tersebut. Hasilnya, pelajar tempatan yang menyertai program sebegini mempunyai interaksi antarabudaya yang lebih menggalakkan berbanding pelajar tempatan yang tidak menyertainya. Kedua-dua belah pihak turut mendapat peningkatan dalam kelancaran berbahasa Inggeris iaitu bahasa pengantar setempat dan merupakan bahasa ibunda negara tuan rumah (Summers & Volet, 2008). Pelajar tempatan selalunya memiliki kelebihan yang diperuntukkan dari persekitaran di bumi sendiri. Kelebihan tersebut tidak harus dijadikan peluang untuk mengabaikan pelajar antarabangsa, bahkan, pelajar tempatan harus bersaing secara sihat dan membantu pelajar antarabangsa meningkatkan motivasi untuk berinteraksi dan mendalami budaya setempat (Colvin et al., 2012).

6. Metodologi Kajian

6.1 Reka Bentuk Kajian

Kajian adalah berbentuk kuantitatif di mana data diperolehi dengan menggunakan instrumen kajian berbentuk borang soal selidik yang diedarkan kepada responden secara rawak bertujuan.

6.2 Populasi dan sampel kajian

Kajian ini dijalankan di KUIS yang melibatkan pelajar antarabangsa yang mengambil program sepenuh masa dari pelbagai bidang pengajian. Saiz populasi adalah seramai 65 orang pelajar. Daripada jumlah tersebut, 56 orang responden dijadikan sampel kajian. Pemilihan jumlah sampel adalah berasaskan bilangan yang dicadangkan oleh Krejcie dan Morgan (1970).

Jadual 1: Populasi Pelajar Antarabangsa di KUIS


Fakulti	Warganegara	Jumlah
Akademi Islam	Singapura	7
	Indonesia	3
	Brunei	2
	<i>Jumlah</i>	12
Fakulti Pengurusan Muamalah	Thailand	4
	Singapura	3
	Indonesia	5
	Chad	2
	Maldives	1
	Somalia	7
	Brunei	2
	Kemboja	3
	South Africa	1
	<i>Jumlah</i>	28
Fakulti Bahasa Moden & Komunikasi	Singapura	1
	Thailand	3
	Brunei	2
	Indonesia	1
	South Africa	1
<i>Jumlah</i>	8	
Fakulti Sains Teknologi Maklumat	Thailand	7
	Indonesia	1
	Nigeria	3
	Gambia	1
	Ethopia	1
	Chad	1
	Somalia	1
	Brunei	2
<i>Jumlah</i>	17	
JUMLAH		65

Sumber: Diubahsuai dari statistik pelajar antarabangsa aktif mengikut warganegara sesi II 2012/2013 oleh Bahagian Pengurusan Akademik (BPA), KUIS

6.3 Kerangka Teori Kajian

Dalam kajian ini, penilaian yang dibuat ke atas persepsi pelajar antarabangsa adalah merupakan penilaian ke atas tahap kepuasan hasil interaksi antarabudaya yang dihubungkan ketika berada di dalam satu kelas. Amalan integriti profesional dalam aktiviti-aktiviti melibatkan interaksi

antarabudaya dalam kalangan pelajar diterjemahkan melalui konsep generik integriti profesional Banks (2009).



Rajah 1: Kerangka Teori Kajian

6.4 Hipotesis Kajian

- H1_o : Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara kelakuan pelajar tempatan dengan tahap kepuasan pelajar antarabangsa terhadap amalan integriti profesional pelajar tempatan
- H1_A : Terdapat hubungan yang signifikan di antara kelakuan pelajar tempatan dengan tahap kepuasan pelajar antarabangsa terhadap amalan integriti profesional pelajar tempatan
- H2_o : Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara komitmen pelajar tempatan dengan tahap kepuasan pelajar antarabangsa terhadap amalan integriti profesional pelajar tempatan
- H2_A : Terdapat hubungan yang signifikan di antara komitmen pelajar tempatan dengan tahap kepuasan pelajar antarabangsa terhadap amalan integriti profesional pelajar tempatan
- H3_o : Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara kapasiti pelajar tempatan dengan tahap kepuasan pelajar antarabangsa terhadap amalan integriti profesional pelajar tempatan
- H3_A : Terdapat hubungan yang signifikan di antara kapasiti pelajar tempatan dengan tahap kepuasan pelajar antarabangsa terhadap amalan integriti profesional pelajar tempatan

7. Analisis dan Dapatan

7.1 Analisis Kebolehpercayaan

Jadual 1 : Statistik Kebolehpercayaan

Bahagian	Alfa Cronbach	Alfa Cronbach Berasaskan Item-Diseragam	Cronbach Item-N Item
Kelakuan	.857	.860	7
Komitmen	.868	.869	7
Kapasiti	.854	.853	5
Persepsi	.856	.860	5

Nilai Alfa Cronbach bagi setiap bahagian berada dalam lingkungan 0.7 - 0.9 iaitu dikategorikan sebagai sangat baik (Priyashantha, 2011). Oleh itu, kesemua item dalam instrumen kajian ini adalah sah dan boleh dipercayai.

7.2 Analisis Demografi

7.2.1 Jantina

Jadual 3: Latar Belakang Responden Berdasarkan Jantina

Jantina	Kekerapan	Peratus (%)
Lelaki	40	71.4
Perempuan	16	28.6
Jumlah	56	100.0

Jumlah responden lelaki adalah paling tinggi memberikan maklum balas iaitu 40 orang (71.4 peratus). Manakala responden perempuan adalah yang paling rendah iaitu 16 orang (28.6 peratus).

7.2.2 Tahun Pengajian

Jadual 4: Latar Belakang Responden Berdasarkan Tahun Pengajian

Tahun Pengajian	Kekerapan	Peratus (%)
Pertama	3	5.4
Kedua	16	28.6
Ketiga	22	39.3
Keempat	15	26.8
Jumlah	56	100.0

Bilangan responden tahun pengajian ketiga adalah yang paling tinggi memberikan maklum balas iaitu 22 orang (39.3 peratus), diikuti oleh responden tahun kedua, tahun keempat dan keatas serta akhir sekali tahun pertama dengan jumlah masing-masing 16 orang (28.6 %), 15 orang (26.8 %) serta tiga orang (5.4 %).

7.2.3 Kewarganegaraan

Jadual 5: Latar Belakang Responden Berdasarkan Kewarganegaraan

Warganegara	Kekerapan	Peratus (%)
Singapura	8	14.3
Indonesia	6	10.7
Nigeria	3	5.4
Somalia	8	14.3
Chad	3	5.4
Kemboja	3	5.4
Maldives	1	1.8
Gambia	1	1.8
Ethiopia	1	1.8
Brunei	6	10.7
Thailand	14	25.0

Africa Selatan	2	3.6
Jumlah	56	100.0

Bilangan responden berwarganegara Thailand merupakan yang paling tinggi memberikan maklum balas iaitu 14 orang (25 peratus) diikuti dengan Somalia dan Singapura iaitu kedua-duanya lapan orang (14.3 peratus). Bilangan responden berwarganegara Maldives, Gambia dan Ethiopia adalah yang paling rendah iaitu masing-masing hanya seorang (1.8 peratus).

7.2.4 Pengalaman Berinteraksi dengan pelajar Melayu Sebelum Mendaftar di KUIS

Jadual 6: Latar Belakang Responden Berdasarkan Pengalaman Berinteraksi dengan Pelajar Melayu

Warganegara	Kekerapan	Peratus (%)
Tidak Pernah	13	23.2
Sekali-sekala	24	42.9
Sering	19	33.9
Jumlah	56	100.0

Bilangan responden yang pernah sekali-sekala berinteraksi dengan pelajar Melayu sebelum mendaftar di KUIS mempunyai kekerapan dan peratusan yang paling tinggi iaitu 24 orang (42.9 peratus). Manakala, kekerapan dan peratus yang paling rendah dicatatkan oleh responden yang tidak pernah berinteraksi dengan pelajar Melayu sebelum mendaftar di KUIS iaitu sebanyak 13 orang (23.2 peratus). Hanya terdapat 19 orang (33.9 peratus) yang sering berinteraksi dengan pelajar Melayu sebelum mendaftar di KUIS. Kebanyakan dari pelajar antarabangsa yang dahulunya sering berinteraksi adalah datang dari negara-negara Asia Tenggara seperti Indonesia, Singapura dan Brunei.

7.2.5 Kemahiran berbahasa Melayu

Jadual 7: Latar Belakang Responden Berdasarkan Kemahiran Berbahasa Melayu

Warganegara	Kekerapan	Peratus (%)
Pandai & faham	22	39.3
Tahu beberapa ayat/perkataan	31	55.4
Tidak tahu	3	5.4
Jumlah	56	100.0

Bilangan responden yang hanya tahu beberapa ayat atau perkataan Melayu mempunyai kekerapan dan peratus yang paling tinggi iaitu sebanyak 31 orang (55.4 peratus). Ini diikuti responden yang pandai dan faham bahasa Melayu iaitu sebanyak 22 orang (39.3 peratus). Selebihnya merupakan pelajar antarabangsa yang tidak pandai berbahasa Melayu iaitu hanya tiga orang (5.4 peratus).

7.3 Analisis Min

Analisis Min dijalankan untuk mengukur tahap kepuasan pelajar antarabangsa terhadap amalan integriti profesional pelajar tempatan.

Jadual 8: Statistik Tahap Kepuasan Keseluruhan Pelajar Antarabangsa

Skala Likert	Kekerapan	Peratus (%)
1- Sangat tidak berpuas hati	4	7.1
2- Tidak berpuas hati	10	17.9

3- Berpuas hati	32	57.1
4- Sangat berpuas hati	10	17.9
Jumlah	56	100.0

Berdasarkan analisis dalam Jadual 8, didapati kebanyakan pelajar antarabangsa berpuas hati dengan amalan integriti profesional pelajar tempatan iaitu dengan kekerapan dan peratus tertinggi sebanyak 32 orang (57.1%), diikuti dengan 10 orang sangat berpuas hati (17.9%), 10 orang tidak berpuas hati (17.9%) dan empat orang sangat tidak berpuas hati (7.1%). Ini menunjukkan bahawa tahap kepuasan pelajar antarabangsa terhadap amalan integriti profesional pelajar tempatan berada pada tahap berpuas hati.

Jadual 9 menunjukkan Min skor bagi tahap kepuasan pelajar antarabangsa terhadap setiap dimensi integriti profesional pelajar tempatan yang dikaji iaitu ‘kelakuan’, ‘komitmen’, dan ‘kapasiti’.

Jadual 9: Min Skor bagi Tahap Kepuasan Pelajar Antarabangsa Terhadap Setiap Dimensi

No.	item	Amalan Integriti Profesional	Min
Amalan dimensi kelakuan			
1	PT berperilaku baik ketika berinteraksi dengan PA		3.13
2	PT tidak kisah untuk duduk bersebelahan PA di dalam kelas		3.09
3	PT boleh bekerja satu kumpulan dengan PA		3.20
4	PT bertutur dengan bahasa yang PA faham dalam perbincangan		3.05
5	PT membantu PA memahami maklumat yang disampaikan pensyarah		2.98
6	PT menghormati warna kulit dan budaya PA		3.09
7	PA tidak pernah berasa tersisih di dalam kelas		3.04
Nilai keseluruhan min skor			3.082
Amalan dimensi komitmen			
1	Walau banyak tempat kosong, PT tetap duduk sebelah/dekat dengan PA		2.86
2	PT bermotivasi dan bersungguh-sungguh mengajak PA bekerja satu kumpulan		2.87
3	PT melibatkan diri secara aktif dalam perbincangan yang melibatkan PA		3.00
4	PT turut berinteraksi dengan PA tidak kira ketika itu ramai atau sedikit		2.91
5	PT yang lemah BI berusaha sebaik mungkin berinteraksi dengan PA		2.77
6	PT berusaha memahami percakapan PA sekiranya BI PA lemah		2.88
7	PT bertegur sapa jika bertemu PA di luar kawasan kolej		3.07
Nilai keseluruhan min skor			2.908
Amalan dimensi kapasiti			
1	Kebanyakan PT menguasai BI dengan baik		2.55
2	Ramai PT mempunyai pengetahuan/pengalaman interaksi antarabudaya		2.57
3	Ramai PT berkeyakinan dalam berinteraksi antarabudaya		2.66
4	Ramai PT mendukung keterbukaan terhadap PA		2.62
5	Kelebihan kedudukan setara PT & PA berprestasi baik pada mata rakan sekelas		2.96
Nilai keseluruhan min skor			2.672
PT = pelajar tempatan			
PA= pelajar antarabangsa			
BI = bahasa Inggeris			

Dari aspek kelakuan, secara keseluruhannya, pelajar antarabangsa berpuas hati dengan kelakuan pelajar tempatan (3.082). Min skor dimensi integriti profesional ini secara relatifnya lebih tinggi

berbanding kedua-dua dimensi lain. Min skor tertinggi dalam dimensi kelakuan adalah pada keselesaan pelajar tempatan yang boleh bekerja satu kumpulan dengan pelajar antarabangsa iaitu 3.20. Ini menunjukkan bahawa kebanyakan pelajar tempatan di KUIS menunjukkan rasa selesa bekerja satu kumpulan dengan rakan berbeza budaya. Min skor terendah adalah pada kelakuan pelajar tempatan dalam membantu pelajar antarabangsa memahami maklumat yang disampaikan pensyarah iaitu 2.98. Min skor ini tidak bermaksud pelajar antarabangsa tidak berpuas hati bahkan skor ini masih dalam tahap berpuas hati. Ini membuktikan bahawa majoriti pelajar tempatan di KUIS adalah beretika, berkelakuan baik dan berperilaku benar dalam menjalankan interaksi antarabudaya.

Dari aspek komitmen, secara keseluruhannya, pelajar antarabangsa berpuas hati dengan komitmen pelajar tempatan (2.908). Namun nilai min komitmen pelajar tempatan ini lebih rendah berbanding dimensi kelakuan mereka. Hasil analisis ini menguatkan pernyataan (Colvin et al., 2012; Summer & Volet, 2008) bahawa pelajar tempatan cenderung bekerja satu kumpulan dengan pelajar antarabangsa hanya apabila diwajibkan oleh pensyarah dan hanya segelintir sahaja yang benar-benar berkomitmen untuk melakukan sedemikian tanpa disuruh. Walaubagaimanapun, pelajar tempatan didapati mempunyai kesungguhan untuk bertegur sapa walaupun ketika bertemu di luar kawasan kolej dengan min skor tertinggi dalam dimensi komitmen iaitu 3.07. Hasil analisis ini berbeza dengan kajian lepas (Colvin et.al, 2012) yang menyatakan bahawa hanya segelintir pelajar tempatan akan menjalankan interaksi antarabudaya di luar kolej. Min skor terendah adalah pada komitmen iaitu usaha pelajar tempatan yang lemah dalam bahasa Inggeris untuk berinteraksi dengan pelajar antarabangsa iaitu 2.77. Min skor ini juga tidak bermaksud pelajar antarabangsa tidak berpuas hati bahkan skor ini masih dalam tahap berpuas hati.

Dari aspek kapasiti, secara keseluruhannya, pelajar antarabangsa berpuas hati dengan kapasiti pelajar tempatan namun min skor adalah lebih rendah berbanding dimensi kelakuan dan komitmen. Kapasiti secara umumnya merangkumi penguasaan bahasa Inggeris, pengalaman dan pengetahuan menjalankan interaksi antarabudaya dan seterusnya modal lapangan yang dimiliki pelajar tempatan. Min skor tertinggi adalah pada kapasiti pelajar tempatan dari sudut pemilikan modal intelek mereka (2.96). Kebanyakan pelajar antarabangsa berpuas hati kerana rakan-rakan sekelas tidak mengamalkan bias di mana pelajar antarabangsa dan pelajar tempatan yang berprestasi baik akan mendapat kelebihan kedudukan yang setara di mata rakan sekelas lain. Manakala, min skor terendah adalah pada kapasiti kebanyakan pelajar tempatan dari sudut penguasaan bahasa Inggeris iaitu 2.55. Walaupun min skor ini masih dalam lingkungan berpuas hati, namun min skor ini turut menghampiri skala tidak berpuas hati. Ini menunjukkan bahawa pelajar antarabangsa berasa bilangan pelajar tempatan yang menguasai bahasa Inggeris adalah tidak terlalu ramai. Min skor ini menguatkan lagi kajian-kajian lepas bahawa bahasa pengantar adalah instrumen interaksi antarabudaya yang penting dalam meningkatkan kecenderungan dan keberkesanan interaksi antarabudaya.

7.4 Analisis Korelasi Pearson

Dalam kajian ini, analisis Korelasi Pearson digunakan untuk menentukan hubungan di antara dimensi kelakuan, komitmen dan kapasiti dengan tahap kepuasan pelajar antarabangsa terhadap amalan integriti profesional pelajar tempatan.

Jadual 10: Korelasi dimensi kelakuan, komitmen dan kapasiti dengan tahap kepuasan pelajar antarabangsa

		Dimensi Kelakuan	Dimensi Komitmen	Dimensi Kapasiti	Tahap kepuasan PA secara keseluruhan
Dimensi Kelakuan	Korelasi Pearson	1	.648 ^{**}	.325 [*]	.515 ^{**}
	Sig. (2-penghujung)		.000	.015	.000
	N	56	56	56	56
Dimensi Komitmen	Korelasi Pearson	.648 ^{**}	1	.647 ^{**}	.692 ^{**}
	Sig. (2-penghujung)	.000		.000	.000
	N	56	56	56	56
Dimensi Kapasiti	Korelasi Pearson	.325 [*]	.647 ^{**}	1	.485 ^{**}
	Sig. (2-penghujung)	.015	.000		.000
	N	56	56	56	56
Tahap kepuasan PA secara keseluruhan	Korelasi Pearson	.515 ^{**}	.692 ^{**}	.485 ^{**}	1
	Sig. (2-penghujung)	.000	.000	.000	
	N	56	56	56	56

** . Korelasi adalah signifikan pada aras 0.01 (2-penghujung)

* . Korelasi adalah signifikan pada aras 0.05 (2-penghujung)

Jadual 11 menunjukkan rumusan dapatan kajian berdasarkan hasil analisis Korelasi Pearson:

Jadual 11: Rumusan Dapatan Analisis Korelasi Pearson

Hipotesis		Sig. (p)	Dapatan
H1 ₀ :	Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara kelakuan pelajar tempatan dengan tahap kepuasan pelajar antarabangsa terhadap amalan integriti profesional pelajar tempatan	0.000	r = 0.515; p < 0.01; H1 ₀ ditolak
H1 _A :	Terdapat hubungan yang signifikan di antara kelakuan pelajar tempatan dengan tahap kepuasan pelajar antarabangsa terhadap amalan integriti profesional pelajar tempatan		Terdapat hubungan yang signifikan di antara kelakuan pelajar tempatan dengan tahap kepuasan pelajar antarabangsa terhadap amalan integriti profesional pelajar tempatan
H2 ₀ :	Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara komitmen pelajar tempatan dengan tahap kepuasan pelajar antarabangsa terhadap amalan integriti profesional pelajar tempatan	0.000	r = 0.692; p < 0.01; H2 ₀ ditolak
H2 _A :	Terdapat hubungan yang signifikan di antara komitmen pelajar tempatan dengan tahap kepuasan pelajar antarabangsa terhadap amalan integriti profesional pelajar tempatan		Terdapat hubungan yang signifikan di antara komitmen pelajar tempatan dengan tahap kepuasan pelajar antarabangsa terhadap amalan integriti profesional pelajar

			tempatan
H3 ₀ :	Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara kapasiti pelajar tempatan dengan tahap kepuasan pelajar antarabangsa terhadap amalan integriti profesional pelajar tempatan	0.000	r = 0.485; p < 0.01; H ₂₀ ditolak
H3 _A :	Terdapat hubungan yang signifikan di antara kapasiti pelajar tempatan dengan tahap kepuasan pelajar antarabangsa terhadap amalan integriti profesional pelajar tempatan		Terdapat hubungan yang signifikan di antara kapasiti pelajar tempatan dengan tahap kepuasan pelajar antarabangsa terhadap amalan integriti profesional pelajar tempatan

Kajian mendapati bahawa ketiga-tiga dimensi mempunyai hubungan yang signifikan dengan tahap kepuasan pelajar antarabangsa. Walaubagaimanapun, nilai r^2 pada dimensi komitmen mengatasi dimensi kelakuan dan kapasiti dengan $r^2 = 0.479$, diikuti dengan dimensi kelakuan ($r^2 = 0.265$) dan dimensi kapasiti ($r^2 = 0.235$). Ini menunjukkan amalan komitmen memiliki hubungan yang lebih kuat dengan tahap kepuasan pelajar antarabangsa, manakala amalan kapasiti memiliki hubungan yang terendah.

8. Rumusan dan cadangan

Secara keseluruhan, sebanyak 57 peratus pelajar antarabangsa di KUIS berasa berpuas hati terhadap amalan integriti profesional dalam kalangan pelajar tempatan. Tahap kepuasan pelajar antarabangsa ini adalah paling tinggi pada kelakuan baik pelajar tempatan (3.082) diikuti komitmen mereka (2.908) dan kapasiti (2.672). Hasil analisis Kolerasi Pearson mendapati bahawa ketiga-tiga dimensi mempunyai hubungan yang signifikan dengan tahap kepuasan pelajar antarabangsa. Komitmen pelajar tempatan merupakan dimensi integriti profesional yang memiliki hubungan yang lebih kuat dengan tahap kepuasan pelajar antarabangsa ($r^2 = 0.479$) diikuti dengan dimensi kelakuan ($r^2 = 0.265$) dan dimensi kapasiti ($r^2 = 0.235$).

Oleh itu, perhatian yang lebih harus diberikan dalam langkah penambahbaikan untuk meningkatkan komitmen pelajar tempatan demi memelihara tahap kepuasan pelajar antarabangsa terhadap amalan integriti profesional mereka. Penambahbaikan perlu dijalankan bagi mengekalkan persepsi yang baik dalam kalangan pelajar antarabangsa dan mengurangkan halangan iaitu antara penyebab calon pelajar antarabangsa pada masa akan datang tidak mahu melanjutkan pengajian tertier mereka di KUIS. Langkah ini juga patut dijalankan khususnya bagi menyokong dasar HKPTA menjelang 2020 dan juga matlamat internasionalisasi pendidikan secara umumnya.

Antara cadangan untuk meningkatkan persepsi baik dalam kalangan pelajar antarabangsa adalah keperluan pihak IPT menggubal polisi dan peraturan di setiap lapangan yang berada di bawah bidang kuasa mereka. Sebagai contoh, pihak IPT boleh meluaskan aspek penilaian pencapaian pelajar dengan turut mengambil kira penglibatan para pelajar dalam aktiviti-aktiviti yang disertai pelbagai budaya selain daripada pencapaian akademik semata-mata (Colvin et al., 2012; Liew, 2012). Ini dapat mewujudkan persekitaran pembelajaran internasional yang kondusif, memperluas peluang bagi kelompok pelajar antarabangsa yang kecil untuk turut serta dalam interaksi antarabudaya dan mewujudkan peluang yang lebih banyak kepada pelajar tempatan dan pelajar antarabangsa untuk bekerja dalam kumpulan yang berbilang budaya.

Di samping itu, pihak IPT boleh mengambil inisiatif menempatkan pelajar tempatan dan pelajar antarabangsa di dalam satu kolej/bilik. Di Australia, kajian dari Nesdale dan Todd (2000) mendapati, melalui sistem penempatan kolej kediaman, interaksi antarabudaya dalam kalangan pelajar telah meningkat. Selain daripada itu, tugas pembelajaran boleh dijalankan dalam satu kumpulan berbilang budaya untuk meningkatkan interaksi antara pelajar tempatan dan antarabangsa. Program seperti *peer-pairing programme* yang dilaksanakan di IPT di Australia juga bermanfaat membantu memupuk integriti profesional pelajar tempatan di mana pelajar tempatan tahun pertama disuaikan dengan pelajar antarabangsa tahun pertama dan akan diteruskan sepanjang berada di IPT tersebut (Summers & Volet, 2008).

10. Kesimpulan

Bagi memenuhi sasaran HKPTA menjelang 2020 dalam internasionalisasi pendidikan, semua pihak perlu memainkan peranan masing-masing. Secara khususnya, pentadbiran IPT dan persatuan-persatuan pelajar seperti Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) harus berfungsi sebagai penyedia platform yang mempromosikan interaksi antarabudaya. Manakala pelajar tempatan dan pelajar antarabangsa harus bersungguh-sungguh melibatkan diri dalam platform yang disediakan tersebut. Pemupukan integriti profesional pelajar tempatan dalam interaksi antarabudaya dengan pelajar antarabangsa secara praktikalnya memerlukan konsistensi dari sudut pelaksanaannya. Ini kerana ketiga-tiga dimensi integriti profesional tidak boleh diamal secara berasingan (Brown, 2005). Aktiviti dalam kumpulan berbilang budaya harus cukup panjang dari sudut jangka masanya bagi membolehkan para pelajar yang terbabit dapat mengenalpasti dan menyelesaikan masalah yang wujud akibat persilangan budaya. Dengan cara ini, para pelajar tempatan dan antarabangsa akan dapat menggarap faedah jangka panjang dan dalam masa yang sama menghasilkan persepsi yang baik terhadap pengalaman pembelajaran mereka (Summers & Volet, 2008).

Rujukan

- Banks, S. (2009). Integrity in Professional Life: Issues of Conduct, Commitment and Capacity. *British Journal of Social Work*, 40(7), 2168–2184.
- Brown, M. T. (2005). *Corporate Integrity: Rethinking Organizational Ethics and Leadership* (p. 284). San Francisco: Cambridge University Press.
- Colvin, C., Fozdar, F., & Volet, S. (2012). Intercultural interactions in university tutorials : A Bourdieusian analysis. *Research and Development in Higher Education: Connections in Higher Education*, 35, 13.
- Crews, G. A., & West, A. D. (2006). Professional Integrity in Higher Education : Behind the Green Curtain in the Land of Oz. *American Journal of Criminal Justice*, 30(2).
- Cruse, B. (2011). Internationalization of the Higher Education Classroom : Strategies to Facilitate Intercultural Learning and Academic Success. *International Journal of Teaching and Learning in Higher Education*, 23(3), 388–395.
- Harrison, N., & Peacock, N. (2010). Cultural distance, mindfulness and passive xenophobia: using Integrated Threat Theory to explore home higher education students' perspectives on "internationalisation at home". *British Educational Research Journal*, 36(6), 877–902.

- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2012). *Quarterly Update on the Malaysian Economy – 3 rd Quarter 2012*.
- Kam Soon Leng. (2009). *Penilaian Persepsi Pelajar Antarabangsa Tentang Pengalaman Pembelajaran di Malaysia*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. (2009). *Jumlah enrolmen pelajar antarabangsa di institusi pengajian tinggi mengikut negara asal, tahun 2003 - 2009*. (pp. 13–16).
- Krejcie, R. V, & Morgan, D. W. (1970). DETERMINING SAMPLE SIZE FOR RESEARCH ACTIVITIES. *Educational and Psychological Measurement*, 30, 607–610.
- Liew Chei Siang. (2012). Analisis Kepuasan Terhadap Program Pengajian Dalam Kalangan Pelajar Antarabangsa Di Malaysia. *Prosiding PERKEM VII*, 2, 1019–1031.
- Mak, A. S., & Buckingham, K. (2007). Beyond communication courses: Are there benefits in adding skills-based ExcelTM sociocultural training? *International Journal of Intercultural Relations*, 31(3), 277–291.
- Mehdizadeh, N., & Scott, G. (2005). Adjustment problems of Iranian international students in Scotland, 6(4), 484–493.
- Mohamad Johdi Salleh, Mazliza Kamin, & Henry, J. F. (2012). Kajian Terhadap Faktor-Faktor Mempengaruhi Pencapaian Pelajar Dalam Penilaian Menengah Rendah di Sabah. *Labuan International Conference on Educational Research (LICER)*, 1–10.
- Nesdale, D., & Todd, P. (2000). Effect of contact on intercultural acceptance: a field study. *International Journal of Intercultural Relations*, 24, 341–360.
- Pahrol Mohd Juoi. (2010). *Mukmin Profesional Celik Mata Hati: 7 langkah memperkasa diri*. Petaling Jaya: Fitrah Perkasa.
- Priyashantha, K. G. (2011). The Impact of Job Satisfaction on Perceived Desirability of Leaving : A Study in Cable Manufacturing Organizations in Sri Lanka.
- Qiang, Z. H. A. (2003). Internationalization of Higher Education: toward a conceptual framework. *Policy Futures in Education*, 1(2), 248–270.
- Radha M. K. Nambiar, Noraini Ibrahim, & Thamby Subhan Mohd Meerah. (2012). Literacy Encounters in a Non-Anglophone Context: Korean Study Abroad Students in a Malaysian Classroom. *Asian Social Science*, 8(7), 110–118.
- Rong Huang. (2005). Chinese International Students ' Perceptions of the Problem-Based Learning Experience. *Journal of Hospitality, Leisure, Sport and Tourism Education*, 4(2).
- Roopa Desai Trilokekar, & Sarah Rasmi. (2011). Student perceptions of international education and study abroad : a pilot study at York University , Canada. *Intercultural Education*, 22(6), 495–511.

- Strauss, P., Alice, U., & Young, S. (2011). “ I know the type of people I work well with ”: student anxiety in multicultural group projects. *Studies in Higher Education*, 36(7), 815–829.
- Summers, M., & Volet, S. (2008). Students’ attitudes towards culturally mixed groups on international campuses: impact of participation in diverse and nondiverse groups. *Studies in Higher Education*, 33(4), 357–370.